

05/06/2000

`Kebebasan' bukan untuk bertindak ganas

SEBAGAIMANA setiap individu berpegang kepada falsafah hidup, sebagai sebuah negara, Malaysia juga mempunyai prinsipnya tersendiri. Malaysia yakin kepada beberapa prinsip yang selama ini berjaya memakmurkan negara dan memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat, antaranya memastikan keamanan negara tidak diganggu gugat, memberi kebebasan kepada rakyat dan melindungi hak asasi manusia. Atas dasar inilah, Malaysia mentadbir negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa perlu bimbang sebarang ancaman dari luar. Walaupun pelbagai takrifan dibuat untuk mencemari prinsip yang dipegang oleh kerajaan, setakat ini percubaan pelbagai pihak berkenaan, dapat dipatahkan. Hakikatnya, pihak yang cemburu gagal membuktikan sebarang kecacatan yang diamalkan di negara ini. Mereka tidak dapat mencari sebarang keburukan nyata berhubung sistem pemerintahan negara kerana apa yang dilakukan oleh kerajaan tidak pernah melanggar prinsip yang ditetapkan.

Malangnya, mereka sengaja tidak mahu mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah kerajaan yang melaksanakan sistem pentadbiran dengan adil dan demokratik. Kerajaan memberi kebebasan bersuara kepada rakyat asalkan mereka tidak mencabul hak orang lain. Bagi yang masih mahu berbuat demikian, mereka perlu menghormati keluhuran undang-undang. Jika didakwa, ia adalah atas permintaan sendiri. Sebagai sebuah negara yang meletakkan kuasa memilih kerajaan kepada rakyat, kerajaan perlu menghormati suara mereka terlebih dahulu.

Rakyat memilih kerajaan hari ini atas kehendak suara majoriti rakyat. Oleh itu, kerajaan perlu memberi keutamaan dengan mendengar pandangan mereka daripada suara segelintir rakyat yang kecewa, apatah lagi jika mereka mewakili suara pembangkang yang lebih gemar mengkeji daripada memuji. Bagi golongan yang berlainan fahaman politik, mereka tidak akan memuji kerajaan sekali pun tindakan kerajaan begitu adil. Memuji pemerintah bermakna mengiktiraf kerajaan Barisan Nasional (BN). Inilah yang cuba mereka elakkan. Ia jelas menunjukkan ketidakjujuran golongan seperti ini. Mereka terus menjalankan perbuatan keji itu dengan berucap di ceramah-ceramah yang mereka atur, menghina kerajaan dan pemimpin di segenap pelusuk negara dan pada masa yang sama melemparkan tuduhan bahawa kerajaan tidak memberi kebebasan bersuara kepada rakyat. Apakah mereka lupa yang mereka bebas "menjaja" keburukan kerajaan itu, bukan sebagai satu kebebasan untuk memberi pendapat?. Amat sukar untuk memahami golongan seperti ini kerana pemikiran mereka dibaluti dengan api kebencian sedangkan selama ini mereka hidup aman dan makmur di negara yang diperintah oleh kerajaan yang begitu prihatin terhadap kesejahteraan seluruh rakyat. Oleh itu, kerajaan tidak perlu melayan kerenah golongan yang tidak tahu erti kesyukuran. Kerajaan seharusnya melakukan apa saja yang dianggap baik untuk rakyat.

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menegaskan bahawa kerajaan akan meneruskan sistem pentadbiran adil dan demokratik dengan memberikan rakyat kebebasan bersuara asalkan mereka tidak mencabul hak orang lain, adalah tepat sekali. Kerajaan tidak seharusnya melayan suara segelintir rakyat yang tidak perah kenal erti berterima kasih. Disebabkan golongan itu tidak mempunyai prinsip hidup, takrifan mereka mengenai keamanan, kebebasan dan hak asasi manusia adalah berlandaskan falsafah pembangkang. Sebagaimana suara pembangkang di sesetengah negara lain, suara seperti itulah yang cuba diketengahkan di negara ini. Golongan

seperti ini buta sejarah dan tidak faham percaturan dunia. Jika negara ini dijajah semula, golongan seperti inilah yang akan menjadi tali barut negara asing.

Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir ketika menyampaikan tahniah dan ikrar taat setia sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara, hak asasi bukanlah untuk bertindak ganas. Bertindak ganas hanya dilakukan oleh pemberontak dan pengkhianat. Sebagaimana mereka tidak rela rumah tangga mereka dikhianati oleh orang luar, begitulah juga halnya dengan kerajaan yang tidak akan membenarkan sebarang perbuatan keji berlaku di negara ini.

Rakyat tidak mempunyai sebarang alasan untuk menyokong perbuatan golongan yang mahu menghancurkan kestabilan politik negara ini. Apa yang diharapkan, mereka yang selama ini menentang kerajaan akan sedar dan mengubah fikiran mereka supaya cintakan keamanan dan tidak lagi melakukan perbuatan yang sia-sia.

(END)